

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, November 18, 2019 1:39 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: Baju Kedah 'Cyntok Bhatik' Kembalikan Kegemilangan Baju Tradisi Negeri Kedah



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 NOVEMBER 2019 / 21 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

BAJU KEDAH 'CYNTOK BHATIK' KEMBALIKAN KEGEMILANGAN BAJU TRADISI NEGERI KEDAH



UUM ONLINE: Kuala Lumpur – Baju Kedah merupakan pakaian tradisional yang sangat sinonim dengan kebudayaan negeri Kedah suatu ketika dahulu dan boleh diterokai pasarannya di dalam dan luar negara.

Bagi mengembalikan kegemilangan baju tradisi rakyat negeri Kedah khususnya, Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menghasilkan baju Kedah bermotifkan batik Sintok atau '*Cyntok Bhatik*' yang dilancarkan Duli Yang Teramat Mulia Che Puan Muda Zaheeda binti Mohamad Ariff, Raja Puan Muda Kedah di Stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Sabtu lalu.

Raja Puan Muda Kedah bertitah, baju Kedah yang dikenali juga sebagai 'baju sekerat' atau 'baju gombang' telah wujud sejak pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin, malah Sultanah Kedah pada masa tersebut yang lebih dikenali sebagai Mak Wan Besar yang sentiasa menjadikan baju Kedah sebagai persalinan harian dan rasmi di istana.

Titahnya, projek baju Kedah ini sememang satu usaha yang sangat berbeza dengan industri yang telah wujud kini dari aspek komersial dan industri fesyen tanah air kerana ia melibatkan dua perkara yang berbeza dan disatukan menjadi satu iaitu elemen baju Kedah, dan penghasilan motif batik Sintok.

"Saya kagum dengan modul yang dihasilkan oleh penyelidik SCIMPA ini, dengan berkonsepkan 'memberi manfaat kepada sesama manusia' iaitu dari universiti kepada masyarakat dan bersama industri berkongsi faedah dengan komuniti desa.

"Saya juga dimaklumkan SCIMPA telah diberi tanggungjawab untuk membantu dan memberi nilai tambah kepada penduduk di daerah Pendang yang mana penglibatan golongan ibu tunggal, suri rumah desa Pendang dan masyarakat disana bakal dilibatkan secara berperingkat.

"Mereka ini akan diajar cara menjahit baju Kedah dengan identiti yang betul, cara mencanting motif batik Sintok dengan baik serta ilmu seni dan lukisan motif dengan lebih kemas boleh dijalankan," titahnya.

Raja Puan Muda Kedah bertitah lagi, usaha itu juga mampu menarik minat badan kerajaan seperti RISDA, KEDA dan sektor korporat yang lain.

Titahnya, semoga projek murni itu mendapat sambutan baik daripada semua pihak terutama pengusaha industri fesyen tanah air, pengusaha industri pelancongan tanah air, khususnya yang terlibat dengan pelancongan Negeri Kedah seperti Langkawi dan tempat-tempat pelancongan yang lain.

"Saya juga yakin projek ini telah sedia untuk dikomersialkan di peringkat dalam dan luar negara, tambahan tahun 2020 merupakan Tahun Melawat Malaysia dan UUM di bawah pimpinan Naib Canselor telah berjaya melihat prospek industri kreatif melalui cabang fesyen untuk mewujudkan satu lagi produk pelancongan yang boleh dibawa balik sebagai cenderamata oleh pengunjung nanti," titahnya.

Projek cetusan idea Naib Canselor dan diketuai Prof. Madya Dr. Adzrool Idzwan Ismail dari Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA) itu diilhamkan dari empat (4) tumbuhan utama yang terdapat di Sintok iaitu pokok Sintok, buah Sintok, bunga kertas dan daun bunga kertas.

Baju Kedah '*Cyntok Bhatik*' merupakan salah satu projek penyelidikan dan khidmat komuniti yang berpotensi untuk diketengahkan dan dapat mengembalikan tradisi kebudayaan Negeri Kedah, seterusnya dipaparkan secara meluas selaras dengan usaha meningkatkan ekonomi rakyat.

Melalui projek ini, UUM dan rakan industri bersama pasukan penyelidik telah melakukan kajian berhubung potongan, susun letak baju Kedah (*cutting*) yang boleh dibangunkan dari aspek keselesaan potongan baju pada badan serta carian tekstil atau kain yang lebih selesa untuk dipakai dan digayakan mengikut peredaran zaman dan arus moden kini.

Sebanyak sembilan (9) rekaan asas bagi Fasa 1 kajian ini telah selesai dilaksanakan dengan cukup menarik dan telah pun didaftarkan sebagai harta intelek oleh UUM.

Untuk fasa awal pelaksanaan projek ini, seramai lima peserta dari daerah Pendang, Kedah telah dilatih dan dibimbing dengan modul asas jahitan, rekaan potongan baju Kedah bercirikan identiti asli baju Kedah lama.

Dengan adanya projek baju Kedah ini yang bukan sahaja mengembalikan tradisi pakaian tersebut, malah membantu merancakkan ekonomi negeri seterusnya memberikan manfaat kepada kumpulan sasaran B40 iaitu ibu tunggal dan golongan suri rumah dan wanita yang ingin membantu keluarga melalui kemahiran jahitan asas.

Baju Kedah '*Cyntok Bhatik*' turut menampilkan label Yasmin Aziz yang berkongsi minat yang sama dalam membangunkan program-program latihan kemahiran berasaskan ekonomi kreatif dalam industri kreatif dari pespektif arena fesyen tanah air.

Turut hadir mencemar duli berangkat ke Majlis Pelancaran Baju Kedah '*Cyntok Bhatik*' ialah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah; Yang Teramat Mulia Dato' Seri Diraja Tunku Shazuddin Ariff Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Tunku Laksamana Kedah dan Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.